



Bab

5



BAB 5

PENUTUP

5.0 Pendahuluan

Bab 5 ini merupakan bab terakhir dalam penulisan disertasi ini. Menerusi bab ini, penulis cuba menyoroti kembali setiap perbincangan dan ulasan yang telah diperbahaskan. Kemudian, penulis akan membuat beberapa kesimpulan dan saranan hasil daripada penyelidikan yang dibuat.

5.1 Kesimpulan

Setelah penulis membuat kajian terhadap kronologi peristiwa penting berdasarkan kitab *Tārīkh al-Ṭabarī* selama beberapa bulan, penulis mendapati bahawa kitab ini merupakan sebuah kitab rujukan asli yang mengandungi rentetan peristiwa-peristiwa yang diriwayatkan dari pelbagai lapisan periwayat yang mana ianya membuka peluang kepada para pembaca untuk menerima atau menolak segala pemaparan peristiwa-peristiwa sejarah. Para pembaca akan lebih mengetahui hakikat sesuatu peristiwa apabila menelusurinya secara intelektual, rasional dan berterusan.

Jadi, tujuan penulisan disertasi ini antara lainnya menambahkan lagi pengetahuan mengenai sesuatu peristiwa penting yang berlaku ke atas umat Islam yang berlaku dari sebelum Hijrah Nabi Muhammad S.A.W sehinggalah 302H. Secara tidak langsung, pembaca dapat mendekati ulama Islam silam melalui karya-karya mereka khususnya kitab rujukan sejarah umat Islam terdahulu kerana ianya memuatkan bahan-bahan dan maklumat-maklumat sejarah yang terperinci .

Al-Ṭabarī menggarapkan metodologi pensejarahan yang tersendiri, mengutip sumbernya dan mencernakan ke dalam kitabnya. Ini semua bukanlah suatu yang mudah tanpa persediaan ilmu dan, kekuatan fizikal, semangat dan ketekunan yang tinggi serta komitmen yang jitu. Inilah yang dilakukan oleh al-Ṭabarī dan tanpa beliau rujukan sejarah seperti *Tārīkh al-Ṭabarī* tidak akan sampai kepada kita hari ini.

Hakikat itulah yang mendorong penulis memilih *Tārīkh al-Ṭabarī* sebagai bahan kajian. Namun, dalam ruang dan waktu yang terbatas sebenarnya masih banyak yang belum diterokai dan tidak berkesempatan menitipkan kesemua rentetan kronologi peristiwa penting yang terkandung di dalamnya. Walau bagaimanapun kesempatan yang seketika meneliti khazanah ilmu tinggalan al-Ṭabarī tersebut merupakan suatu cabaran dan pengalaman yang paling berharga.

Penulis bukan sahaja mampu mengenali latar belakang peribadi al-Ṭabarī. malah ketokohnya telah memberi inspirasi kepada penulis dalam melayari kehidupan sebagai pelajar yang tidak akan ada penyudahnya. Maka, penulis merasakan setiap generasi Islam perlu mengetahui, mendekati, mengkaji dan menilai serta membuat komentar jujur terhadap karya-karya ulama Islam silam.

Justeru, dari Bab 1, penulis sering menekankan keistimewaan al-Ṭabarī dan kitabnya. Gerakan keilmuan yang berlaku pada kurun ketiga Hijrah menjadi faktor pembantu kepada kecemerlangan al-Ṭabarī. Tidak dapat dinafikan bahawa faktor utama kecemerlangan al-Ṭabarī hakikatnya diukur dari keperibadiannya sendiri.

Sementara di dalam Bab 2 yang memfokuskan tentang kitab karangan al-Ṭabarī, kitab *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk*. Bermula dengan introduksi kitab, nama kitab, kandungan kitab seterusnya sumber rujukan al-Ṭabarī dalam menyiapkan penulisan karya beliau. Dengan erti kata lain, pada bab ini ditekankan semua aspek berkaitan dengan kitab *Tārīkh al-Ṭabarī*.

Dalam Bab 3, penulis telah merumuskan metodologi pensejarahan al-Ṭabarī yang terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu :

- i. Penilaian terbuka
- ii. Isnād

- iii. Fakta Logik
- iv. Sumber-sumber lain

Pada Bab 4, penulis berusaha memaparkan kronologi peristiwa penting yang terdapat di dalam kitab *tarikh* beliau berdasarkan *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* (10 jilid) yang diterbitkan Dār al-Ma‘ārif, Mesir yang dicetak pada tahun di antara tahun 1961 sehingga 1971. Di samping itu juga, penulis telah membuat penganalisaan terhadap penerbit-penerbit kitab *Tārīkh al-Ṭabarī* yang mana terdapat perbezaan nama kitab dan jumlah jilid yang diterbitkan. Perbezaan nama dan jumlah bilangan jilid kitab *Tārīkh al-Ṭabarī* adalah kerana penerbit-penerbit yang berbeza.

Meskipun terdapat banyak catatan peristiwa di dalam kitab tersebut, penulis hanya mampu meringkaskan sahaja sebagai landasan merintis kepada kajian. Konklusinya, kronologi peristiwa penting dalam pensejarahan Islam berdasarkan teks *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* karya al-Ṭabarī membentangkan peristiwa-peristiwa yang tidak ternokhtah pada tahun yang sama. Kesudahan peristiwa perlu ditelusuri dari tahun ke tahun sehingga bertemu pada nokhtah kesudahan peristiwanya.

5.2 Saranan

Umat Islam dari pelbagai kategori umur, perlu disedarkan tentang karya-karya Sejarah Islam silam yang merupakan suatu titik asas ke arah penelitian yang lebih mendalam, meneroka dan menilai karya-karya silam. Di samping menanamkan rasa cinta dan sayang kepada khazanah ilmu Islam.

Pengkaji-pengkaji Sejarah Islam, diharapkan lebih berusaha untuk memartabatkan kembali karya-karya tersebut sama ada melalui penterjemahan kembali, penyelidikan dan pengkajian yang mendalam serta seterusnya membuat analisa keistimewaan dan kelemahan yang terdapat pada karya-karya tersebut. Seterusnya, menyebarkan segala hasil kajian kepada umum.

Penulis mengharapkan agar saranan dan cadangan yang diberikan dipertimbangkan oleh kita, umat Islam hari ini. Semoga khazanah ilmu Islam terbelas dan terpelihara serta tidak dipinggirkan. Karya-karya penulisan yang muktabar perlu didahulukan.

Memandangkan perkembangan Sains dan Teknologi Maklumat semakin berkembang maju, diharapkan kepada pihak-pihak yang tertentu seperti pihak berkuasa, dan pakar-pakar di bidang ini dapat mengambil inisiatif untuk menyalurkan salinan atau terjemahan kitab-kitab Sejarah Islam silam ke dalam bentuk CD Rom, video dan kaset.

Selain itu, memperbanyakkan lagi laman web yang berteraskan Sejarah Islam dalam pelbagai versi bahasa seperti Bahasa Melayu, Bahasa Arab dan lain-lainnya di internet bagi memudahkan para pembaca dan para penyelidik membuat rujukan.

Penulis juga ingin menyarankan kepada pihak-pihak yang berkemampuan menerbitkan kitab-kitab biografi dan menjejaki kembali tempat-tempat yang pernah dilewati oleh al-Ṭabarī dan ahli-ahli Sejarah Islam lainnya. Dalam erti kata lain, disarankan agar diterbitkan sebuah dokumentari mengenai al-Ṭabarī dan sumbangannya terhadap Sejarah Islam.

Memandangkan rangkaian televisyen dan radio semakin berkembang, penulis berharap agar pihak berkuasa dapat memperbanyakkan program-program berbentuk ilmiah yang berkonsepkan tamadun Islam berteraskan sumber rujukan yang asli.

Penulis juga menyarankan agar pihak kerajaan menubuhkan sebuah kolej atau sekolah *Dār al-Tārīkh* khusus untuk mereka yang ingin mendalami bidang Sejarah Islam silam. Ia bertujuan agar umat Islam generasi hari ini dan akan datang sedar bahawa mereka mempunyai rujukan terpenting sejarah umat sendiri dan tidak hanya berpandukan rujukan-rujukan pengkaji Barat.

Para tenaga pengajar di sekolah mahupun di peringkat institusi pengajian tinggi adalah disarankan untuk menggalakkan para pelajar memiliki koleksi kitab-kitab Sejarah Islam silam yang merupakan kitab rujukan asli utama dan menjadikannya sebagai kurikulum pengajian mereka.

5.3 Penutup

Sejarah merupakan salah satu daripada cabang ilmu maka penjelasan yang kritis dan rasional yang bersesuaian dengan masa dan kondisi masa kini dapat memberi panduan kepada masyarakat Islam selaras dengan kehendak al-Qur'an dan Hadith.

Dalam membicarakan tentang Sejarah Islam dan ulama Islam silam tidak seharusnya dipandang remeh. Sebaliknya adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memahami dan mengetahui segenap aspek yang berkaitan dengan umat Islam.

Rasa syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T atas segala taufiq dan hidayahNya, memungkinkan penulis melakukan kajian terhadap kronologi peristiwa penting dalam pensejarahan Islam berdasarkan kitab *Tārīkh al-Ṭabarī*. Biarpun kajian dalam skop yang terbatas, masa yang pantas dan cabaran yang mendatang, segalanya dapat ditempuhi dengan penuh kesabaran dan ketabahan serta redha dengan takdirNya.

Diharapkan usaha yang dirintis ini ada kesinambungannya. Generasi hari ini dan akan datang wajar mendekati, meneliti seterusnya menjadikan karya-karya Islam silam sebagai rujukan utama tidak disisihkan. Tidak dapat dinafikan bahawa *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* menjadikan al-Ṭabarī seorang ilmuan Islam unggul di bidang Sejarah.